

Raja Tonggak Perpaduan: Perspektif Sosiologi



Prof Madya Dr Nazri Muslim
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia

nazrim@ukm.edu.my

Islam dan Melayu dalam Perlembagaan

Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia



Nazri Muslim



**Islam dan Melayu
dalam Perlembagaan**

*Tiang Seri Hubungan Etnik
di **MALAYSIA***

EDISI KEDUA

NAZRI MUSLIM
...

Definisi dan Konsep Perlembagaan

Definisi

- Istilah perlembagaan berasal daripada bahasa Perancis iaitu *constituer* yang bererti membentuk. Membentuk jika dirujuk dalam konteks perlembagaan membawa maksud pembentukan suatu negara atau menyusun suatu negara
- Perlembagaan juga membawa erti iaitu suatu suratan atau dokumen yang mengandungi semua undang-undang tertinggi yang mustahak bagi penubuhan dan kewujudan sesebuah negara dan sistem politiknya

Definisi dan Konsep Perlembagaan

- Perlembagaan adalah kumpulan peraturan berkaitan pentadbiran sesebuah negara.
- Perlembagaan mencipta tiga institusi pentadbiran negara, iaitu badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman
- Perlembagaan mempunyai peruntukan berkaitan kuasa dan peranan tiga institusi tersebut
- Pada masa sama Perlembagaan meletakkan had kepada kuasa ketiga-tiga badan tersebut

(Lihat K.C Wheare, *Modern Constitution*, Oxford [Oxfordshire] : Oxford University Press, 1966)

Perlembagaan dalam konteks Malaysia

- Perlembagaan Persekutuan adalah sebuah dokumen bertulis.
- Perlembagaan adalah juga simbol kemerdekaan dan kedaulatan negara.
- Di samping itu Perlembagaan menyediakan asas kenegaraan Malaysia.
- Perlembagaan direka bentuk atas kerangka asal Tanah Melayu berdasarkan kepada sejarah, budaya dan amalan negara.
- Perlembagaan mengambil kira kepentingan semua komuniti yang membentuk bangsa bagi negara ini.

Sambungan

- Perlembagaan Persekutuan berasaskan "kontrak sosial".
- Perlembagaan Persekutuan yang diluluskan melalui pengesahan undang-undang berasaskan kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- Perjanjian ini ditandatangani pada 5 Ogos 1957 oleh wakil Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Raja-Raja bagi negeri-negeri.
- Perlembagaan Persekutuan ini adalah sebuah manifestasi kesetiakawanan, penerimaan dan persefahaman sehingga membentuk integrasi dalam kalangan komuniti
- Persefahaman ini dianggap sebagai "kontrak sosial" demi kepentingan hak serta warisan asal negara.

Sejarah dan Garis Waktu Gubalan

Sejarah dan Garis Waktu Gubalan Perlembagaan Persekutuan

Undang-Undang Sebelum Kedatangan Penjajah



Malayan Union



Persekutuan Tanah Melayu, 1948



Kerjasama Etnik; CLC, Pilihanraya, Perikatan



Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid)



Jawatankuasa Kerja




Perisytiharan Perlembagaan

Pilihan Raya Pertama,
Penubuhan Majlis Perundangan
Persekutuan dan Majlis
Mesyuarat Persekutuan

Lantikan Suruhanjaya
Perlembagaan
(Dibekalkan dengan
terma-terma lantikan)

Jawatankuasa untuk mengkaji Draf
Pertama ditubuhkan.
JK mengeluarkan Kertas Putih, berlaku
perbincangan tentang cadangan JK di
London (10 Mei), beberapa pindaan
dicadangkan

Dibahaskan dan diluluskan
dalam Majlis Perundangan
Persekutuan –
10 Jun 1957



Persidangan London
(16 Jan-6 Feb)
Perjanjian London
(Kemerdekaan Malaysia 8 Feb)

Suruhanjaya Reid
mengeluarkan draf pertama
Perlembagaan Persekutuan

Draf kedua
Dibahaskan dan diluluskan
di Parlimen British

Diterima di negeri-negeri

i. Undang-undang Sebelum Kedatangan Penjajah

- Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Laut Melaka, Batu Bersurat Terengganu membuktikan telah wujud sistem pemerintahan yang tersusun di Tanah Melayu, walaupun tidak menggunakan istilah 'perlembagaan'.
- Keadaan ini menjelaskan sistem perlembagaan dan pentadbiran yang tersusun tersebut itu telah wujud sebelum kedatangan penjajah British
- Semasa pentadbiran British, dua buah negeri telah membuat Perlembagaan mereka sendiri, iaitu negeri Johor dan negeri Terengganu, masing-masing pada tahun 1895 dan 1911

iv. Kerjasama antara Etnik ke Arah Kemerdekaan

- Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat 1949 (CLC) yang terdiri daripada pelbagai etnik telah berusaha menyelesaikan sesetengah masalah perundangan, terutamanya berkaitan perlembagaan, politik dan ekonomi.
- Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi membincangkan berbagai isu seperti kewarganegaraan dan kedudukan khas (special position) orang Melayu serta dasar pendidikan.
- Tokoh-tokoh yang menganggotai jawatankuasa ini: Dato Onn Jaafar, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Tun Tan Cheng Lock, C.C. Tan, E.E.C Thuraisingham.

v. Pilihan Raya Umum 1955

- Pilihan Raya Umum 1955, iaitu Pilihan Raya Umum yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu memberi implikasi yang cukup besar kepada hubungan etnik di Malaysia.
- Ini disebabkan telah berlakunya kerjasama dan toleransi yang cukup kukuh antara orang Melayu dan bukan Melayu khususnya yang melibatkan pembahagian kursi pilihan raya seperti dalam Jadual di bawah:




<https://pekhabar.com/c>

- Pembahagian kerusi dan calon, UMNO telah membuat pengorbanan dan kompromi kerana meletakkan calon bukan Melayu di kawasan majoriti pengundi Melayu dan walaupun majoriti pengundi adalah Melayu (84.2%).
- Tetapi demi perpaduan dan mengamalkan konsep perkongsian kuasa, UMNO diperuntukkan 35 kerusi sahaja, MCA 15 kerusi dan MIC sebanyak dua kerusi

Parti	Peruntukan Kerusi	Peratusan Kerusi	Peratusan Pengundi
UMNO	35	69	84.2 (Melayu)
MCA	15	28	11.2 (Cina)
MIC	2	3	3.9 (India)

- Perkara ini mengetepikan pandangan sempit perkauman dan bekerja ke arah menuntut kemerdekaan daripada penjajah.
- Tunku Abdul Rahman, sebagai Perdana Menteri pertama telah membentuk kabinet yang terdiri daripada komposisi berbilang kaum iaitu enam orang Melayu, tiga orang Cina, dan seorang India.
- Pemilihan Kabinet ini menunjukkan satu kerjasama yang baik dengan perlantikan tiga orang Cina dan seorang India untuk memberikan keseimbangan etnik yang lebih diterima dalam Majlis Perundangan Persekutuan.
- Komposisi kabinet pertama ini menunjukkan bermulannya “Tapak Integrasi”

Terma Lantikan Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid)



Satu Kerakyatan

Menjamin kedudukan orang-orang Melayu dan kepentingan sah komuniti lain

Menjamin kedudukan Raja-Raja Melayu

Negara Persekutuan dengan tumpuan kuasa kepada kerajaan Persekutuan

1. Parlimen yang mempunyai 2 Dewan
2. (Dewan Rakyat & Dewan Negara)

Kerangka Asas Perlembagaan Persekutuan

Kerangka Asas Perlembagaan Persekutuan



Negara Persekutuan



Kewarganegaraan
Yang sama

Islam Agama bagi Persekutuan



Kebebasan Asasi



Perlembagaan
Undang-Undang Tertinggi



Pindaan Perlembagaan

Elemen Warisan



Perkara Subversif dan
Darurat



Falsafah Keseimbangan Dalam perlembagaan

- Perimbangan peruntukan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu dalam perlembagaan:
 - Perkara yang menetapkan Islam sebagai agama bagi persekutuan diimbangi dengan peruntukan kebebasan bagi setiap rakyat untuk menganut dan mengamalkan apa-apa agama dalam suasana aman dan harmoni.
 - Begitu juga perkara yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga diimbangi dengan peruntukan bahawa tidak ada seorang pun yang boleh dilarang daripada menggunakan (melainkan bagi maksud rasmi) atau mengajar atau mempelajari apa-apa bahasa lain.
 - Hal yang sama juga berlaku ke atas perkara yang menetapkan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak diimbangi dengan peruntukan bahawa kerajaan tidak boleh melucut, menarik balik atau menyebabkan hak kaum lain terhakis.

Konsep ketertinggian

- Di Malaysia, tidak ada satu institusi yang boleh mengatasi ketertinggian Perlembagaan Persekutuan.
- Malahan ketiga-tiga badan kerajaan yang merujuk kepada doktrin pengasingan kuasa iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif mahupun Yang di-Pertuan Agong adalah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.
- Sebagai contoh, kuasa perundangan hendaklah dijalankan tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan.
- Manakala kuasa kehakiman iaitu mahkamah hendaklah juga dijalankan tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh perlembagaan

- Malahan undang-undang persekutuan atau negeri mengenai sesuatu perkara boleh diisytiharkan sebagai tidak sah oleh mahkamah jika undang-undang itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan setakat mana ia bercanggah.
- Ini kerana perlembagaan memperuntukkan dengan nyata di bawah Perkara 4 (1) bahawa Perlembagaan ini adalah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas merdeka dan yang berlawanan dengan perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat mana yang berlawanan itu

Konvensyen perlembagaan

- Selain daripada undang-undang, ada amalan yang dianggap mustahak menjadi sebahagian daripada prinsip-prinsip perlembagaan.
- Amalan ini dikenali sebagai Konvensyen Perlembagaan atau adat resam Perlembagaan. Sungguhpun mustahak, sekiranya amalan ini tidak dipatuhi, tidaklah boleh dibawa perkara ini ke mahkamah supaya dipaksakan mematuhi, tetapi jika tidak dipatuhi, akan menyebabkan sukar bagi sesuatu perlembagaan itu hendak berjalan dengan lancar.
- Contoh: PM

Kontrak sosial

- Wujud dua kali iaitu perjanjian antara raja dengan rakyat dan kedua antara orang Melayu dan bukan Melayu
- Persetujuan yang tidak direkodkan dan termaktub dalam perlembagaan
- Semasa merangka perlembagaan tersebut, kaum Melayu dan bukan Melayu bersetuju atas beberapa perkara yang sangat penting kepada kestabilan negara yang merujuk kepada kontrak sosial.
- Melalui kontrak sosial ini, orang bukan Melayu telah diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berasaskan prinsip *jus soli*.

- Manakala orang Melayu diperuntukkan dalam perlembagaan mengenai agama Islam sebagai agama persekutuan, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan Raja-raja Melayu atau apa yang dipanggil sebagai unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan atau Tiang seri Hubungan Etnik di Malaysia
- Jus soli – hak serta-merta seperti kewarganegaraan, hak mengundi dan lain-lain (jumlah orang Melayu akan mengecil dan jumlah pengundi bukan Melayu akan bertambah daripada 16% pada 1955 kepada 43.2% pada 1959. Manakala jumlah pengundi Melayu berkurang daripada 84% pada 1955 kepada 56.8% pada 1959)
- Tiang Seri – masih dalam usaha untuk mencapai dan perlu masa yang panjang dan sentiasa dicabar

Bilangan orang bukan Melayu yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran
Sumber: Diubah suai dari Mohamed Suffian (1987), Mengenal Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 400.

Tahun	Bilangan
1957 (31 Ogos – 31 Disember 1957)	120078
1958	822567
1959	67227
1960	77858

Prosedur Pindaan Perlembagaan



<http://www.islam.gov.my/>

Perkara 159

Majoriti mudah

2/3 majoriti

2/3 majoriti + Perkenan Majlis Raja-Raja

Perkara 161E
2/3 Majoriti + persetujuan TYT Sabah @ Sarawak

2/3 Majoriti + Perkenan Yang di-Pertua Negeri

INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU

- Pemerintahan beraja memang telah sedia wujud dalam sistem sosial di negeri-negeri Melayu sejak berabad-abad lamanya.
- Dalam bahasa Melayu, istilah 'kerajaan' dipercayai berasal daripada perkataan 'raja'. Hubungan istilah ini membuktikan bahawa 'raja' dan 'kerajaan' itu mempunyai hubungan kait yang sangat rapat di antara satu sama lain sehingga ianya digunakan sebagai gelaran kepada ketua negara Malaysia dan ketua negeri bagi sembilan buah negeri yang mengamalkan sistem beraja
- Menurut sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik khususnya sebelum penjajahan Inggeris.
- Sebelum Perang Dunia Kedua, walaupun berada dalam penjajahan British, sultan-sultan merupakan pemerintah yang berdaulat dan memiliki kuasa penuh di dalam negeri masing-masing.
- Namun pada masa yang sama, dalam beberapa perjanjian dengan British, sultan perlu untuk menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen atau Penasihat British kecuali yang menyentuh tentang agama Islam.

- Keadaan demikian berlanjutan sehinggalah apabila diperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 di mana Sultan hanya berkuasa dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja dan kuasa pentadbiran negeri dipegang oleh Gabenor.
- Akibat dari penentangan oleh orang Melayu, Perlembagaan Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.
- Menerusi perlembagaan baru ini, hak-hak sultan telah dikembalikan semula kepada mereka. Mereka diberi hak untuk mengambil tahu hal-hal berkenaan dengan pembuatan undang-undang
- Malaysia adalah antara negara di dunia yang masih mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Ia merupakan warisan sistem politik yang masih kekal sehingga ke hari ini. Institusi Raja di Malaysia adalah satu institusi tradisional yang sedia ada sebagai teras sistem pemerintah dan pentadbiran sesebuah kerajaan Melayu yang telah muncul berabad-abad lamanya.
- Institusi Raja yang bertapak di negara ini telah mengalami evolusi daripada sistem Beraja Mutlak kepada sistem Raja Berperlembagaan

Sejarah Kesultanan Melayu dalam Perundangan Negara

- Sejarah membuktikan bahawa di setengah negara, takhta telah dialih dari istana dan ditempatkan di muzium untuk dijadikan bahan sejarah dan budaya.
- Pada awal abad kesembilan belas, ada lebih daripada 900 buah takhta dalam dunia ini, tetapi bilangan ini telah merosot kepada 240 buah dalam abad ke dua puluh (Azlan Shah 1980).
- Manakala dalam tahun 1993 cuma terdapat 26 orang raja yang bertakhta dan 6 daripadanya merupakan raja atau monarki mutlak (Abdul Aziz Bari 1996).

- Dalam masa lima dekad yang lepas atau selepas perang dunia kedua, antara takhta yang dihapuskan atau dipindah ke muzium, sama ada melalui proses revolusi atau atas realiti politik moden ialah Mesir, King Farouk I yang memerintah dari tahun 1938-1952 digulingkan oleh Kolonel Gamal Abdel Nasser dan digantikan oleh anak lelakinya bernama Fuad II, dan kurang dari setahun Mesir bertukar menjadi Republik.
- Di Iran, Mohammad Reza Shah Pahlavi adalah Shah Iran dari tahun 1941- 1979, akibat revolusi yang diketuai oleh puak fundamental Islam, Shah terpaksa meninggalkan Iran pada Januari 1979 dan pada 11 Februari tahun yang sama, Iran bertukar menjadi republic dan Shah mati dalam buangan di Mesir pada 27 Julai 1980.
- Di Libya, Raja Idris memerintah antara tahun 1949 hingga 1 September 1969 apabila beliau digulingkan melalui rampasan kuasa Kolonel Muammar al-Qaddafi.
- Di Greek, Raja Constantine II memerintah dari tahun 1964-1974, rejim tentera telah memansuhkan institusi monarki pada 1 Jun 1973 dan menggantikan dengan republic.
- Di Romania, Raja Michael memerintah dari tahun 1940-1947, telah dipaksa mengosongkan takhta dan hidup dalam buangan, dengan digantikan oleh sistem komunis.

- Namun, terdapat beberapa takhta pula telah dipulihkan, seperti di Spanyol apabila Raja Juan Carlos menggantikan dictator General Franco yang meninggal dunia pada tahun 1975 (Asiaweek 1993).
- Dan pada tahun 1993 Raja Sihanouk telah kembali bertakhta di Kemboja melalui penabalan semula pada usia 70 tahun, setelah 23 tahun disingkirkan pada tahun 1970 melalui rampasan kuasa, akhirnya perlembagaan beraja Kemboja dipulihkan semula
- Kepada kebanyakan orang, institusi monarki kelihatan janggal atau sesuatu yang ketinggalan zaman dan tidak berpadanan dengan wang yang dibelanjakan. Suku ketiga abad yang lepas menyaksikan gerakan republikan yang kuat untuk melenyapkan raja-raja (Satyavrata Patel 1970). Idea ini berterusan sehingga sekarang dan telah banyak institusi tersebut telah menjadi korban melalui proses sejarah sebagaimana dibincangkan di atas.

- Di Tanah Melayu, institusi kesultanan merupakan institusi yang tertua dalam konteks masyarakat dan kebudayaan Melayu.
- Institusi ini dapat dihubungkan dengan sistem politik dan konsep feudalisme Melayu yang sejak zaman berzaman menggambarkan struktur kepemimpinan masyarakat Melayu tradisional.
- Tegasnya, institusi kesultanan Melayu meliputi konsep serta sistem masyarakat Melayu yang boleh ditinjau berdasarkan latar belakang dan sejarah sosiobudaya negara ini, dari peringkat awal perkembangan sehinggalah konsep kesultanan ini diperteguhkan lagi apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

- Walaupun pelbagai langkah telah diambil seperti pendedahan mengenai institusi raja-raja Melayu dalam subjek sejarah di peringkat sekolah dan kursus Pengajian Malaysia atau Kenegaraan Malaysia di peringkat Institusi Pengajian Tinggi, namun terus menjadi polemik dalam masyarakat yang memperlihatkan langkah tersebut masih belum mampu menjelaskan perkara ini.
- Menurut Abdul Aziz Bari (2002), krisis mengenai Raja-Raja Melayu mulai berlaku pada tahun 1980-an. Meskipun sebelum itu telah timbul krisis, kesannya tidak sampai ke tahap pindaan perlembagaan seperti yang berlaku pada tahun 1980-an dan 1990-an. Contohnya, pada tahun 1983, pindaan terhadap kuasa perkenan Yang di-Pertuan Agong ke atas undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan kuasa mengisytiharkan darurat.
- Pada tahun 1993 pula muncul isu kekebalan Raja terhadap pindaan kekebalan Raja untuk didakwa atas kesalahan peribadi di Mahkamah Khas. Isu-isu ini telah memberi kesan terhadap pemikiran rakyat.
- Dari segi masa depan, Raja-Raja perlu bergantung kepada kekuatan mereka sendiri. Perlindungan oleh undang-undang seperti Akta Hasutan tidak menjamin kelangsungan institusi beraja kerana pelaksanaan undang-undang bergantung kepada tindakan kerajaan yang memerintah dan yang terakhir menjadi benteng institusi beraja ialah penerimaan rakyat.

Peruntukan Institusi Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan

- Menurut Shamrahayu (2012) Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara (per. 32), yang secara undang-undangnya menganggotai tiga badan kerajaan, iaitu badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari).
- Perkara 44 meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai satu daripada tiga unsur Parlimen.
- Baginda mempunyai kuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen (per. 55) serta meletakkan cop mohor kepada Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan dalam proses penggubalan undang-undang (per. 66).
- Baginda merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera (per. 41).
- Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman (per. 42).
- Baginda bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu serta kepentingan bangsa lain (per. 153).

- Melalui kuasa budi bicara, menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu (per. 40(2)(c)),
- Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah (per. 3).
- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri daripada mana-mana ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan (per. 40(2)(a) dan 43(2)(a).
- Baginda juga boleh menggunakan kuasa budi bicara untuk membubar Parlimen sekiranya terdapat permintaan Perdana Menteri (per. 40(2)(a)(b).
- Baginda mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri (per. 43(5).
- Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat (per. 150) dan juga membuat undang-undang (ordinan) darurat sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak (per. 150(2B).
- Atas nasihat Perdana Menteri, baginda mempunyai kuasa melantik ahli suruhanjaya-suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Perlembagaan, seperti Suruhanjaya Polis (per. 140) dan Pelajaran (per. 141A).
- Baginda juga melantik Peguam Negara atas nasihat Perdana Menteri (per. 145).

- Selain daripada kuasa dan peranan, kedudukan Institusi Raja dijamin oleh Perlembagaan. Antaranya, walaupun ahli Dewan Parlimen mempunyai kebebasan untuk membuat apa-apa pernyataan berkaitan Raja-Raja Melayu, namun mereka tidak dibenarkan untuk menganjurkan atau mencadangkan pemansuhan Institusi Raja dalam apa juga prosiding Parlimen (per. 63(5)).
- Pindaan Perlembagaan terhadap apa juga peruntukan berkaitan Majlis Raja-Raja (per. 380 dan keutamaan Raja (per. 70) juga tidak boleh dilaksanakan tanpa perkenan Majlis Raja-Raja (per. 159(5)).

- Dalam aspek perundangan, kedudukan Raja-Raja Melayu agak terselamat bukan sahaja atas kapasiti kedudukan umum, tetapi juga keselamatan diri.
- Di samping peruntukan perlembagaan seperti mana yang telah disebut di atas, undang-undang jenayah negara juga menjaga kedudukan Raja-Raja Melayu. Undang-undang yang begitu relevan ialah Kanun Keseksaan. Tindakan menentang Raja, yang dikategorikan sebagai kesalahan terhadap lima negara, adalah kesalahan yang boleh dihukum penjara seumur hidup ataupun hukum bunuh. Misalnya kesalahan berperang melawan Raja-Raja.
- Hukuman bunuh juga boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan kesalahan terhadap tubuh badan Raja atau bakal pengganti Raja. Sementara itu penjara seumur hidup atau denda boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang dibuktikan sebagai merancang untuk memecat atau melucutkan Raja daripada takhta mereka.

Kedudukan Raja-Raja dalam perlembagaan

- Kemunculan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pada 1895 telah menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada raja-raja kerana British yang membentuk dan mengawal polisi pentadbiran serta melaksanakannya.
- Akibatnya satu Durbar telah diadakan di Kuala Kangsar pada 1897 iaitu satu perkumpulan awal empat orang raja bagi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Ini diikuti dengan Durbar seterusnya pada tahun 1903 di Kuala Lumpur, 1927 di Kuala Kangsar, 1932 di Pekan, 1933 di Kuala Kangsar dan Seri Menanti (Abdul Aziz Bari 2005).
- Cadangan untuk menubuhkan Majlis Raja-raja bermula daripada Perlembagaan Malayan Union yang telah menubuhkan Majlis Sultan-Sultan.
- Dari segi struktur, keanggotaannya terdiri daripada raja-raja dan pegawai-pegawai British iaitu Ketua Setiausaha Malayan Union, Penasihat Undang-Undang, Setiausaha Kewangan dan dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union.
- Meskipun Malayan Union telah dibubarkan, idea ini tidak dibuang tetapi diteruskan oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dengan penubuhan Majlis Raja-Raja di bawah perlembagaan itu.

- Majlis Raja-Raja seperti yang tertubuh di bawah Perlembagaan Persekutuan mempunyai fungsi-fungsi berikut iaitu terkandung dalam Perkara 38(2):
 - Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong menurut peruntukan Jadual Ketiga;
 - Mempersetujui atau tidak memersetujui supaya sebarang perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan;
 - Mempersetujui atau tidak memersetujui sebarang undang-undang dan membuat atau memberi nasihat atas sebarang perlantikan yang di bawah Perlembagaan ini memerlukan persetujuan Majlis itu atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan majlis itu;
 - Melantik anggota-anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182.
 - Memberi ampun, reprieve dan respite, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman-hukuman di bawah Fasal (12) Perkara 42.

- Majlis itu juga boleh menimbangkan soalan-soalan yang bersabit dengan dasar negara seperti perubahan tentang dasar imigresen dan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut. Majlis itu terdiri daripada Sultan-sultan dan Yang Dipertua Negeri serta Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.
- Namun apabila majlis diadakan bagi tujuan memilih atau menamatkan tempoh perlantikan Yang di-Pertuan Agong atau Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau perkara yang berkaitan sematamata dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-raja atau terhadap perbuatan, amalan atau upacara agama, Yang Dipertua Negeri tidak dianggap sebagai anggota majlis.

- Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, institusi pemerintahan beraja itu diteruskan dengan beberapa pindaan supaya disesuaikan dengan konsep demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.
- Menurut konsep Raja Berperlembagaan, mereka dikehendaki menerima nasihat daripada Menteri dan bertindak menurut nasihat-nasihat itu. Sebagai contoh, di peringkat pusat, Yang di-Pertuan Agong, dalam menjalankan tugas-tugasnya, baginda hendaklah bertindak menurut nasihat Kabinet.
- Manakala di peringkat negeri pula, Raja hendaklah bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- Namun, dalam hal ini, nasihat yang diberikan harus dipandu oleh peruntukan dan semangat perlembagaan. Ini menjelaskan bahawa nasihat yang bercanggah dengan perlembagaan dan undang-undang tidak perlu dipatuhi.

Institusi Raja Tonggak Perpaduan

- Institusi Raja telah diterima sebagai simbol perpaduan. Menerusi Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 153 menjaga kedudukan orang-orang Melayu tanpa mengabaikan kedudukan dan kepentingan bangsa lain.
- Ini bermaksud, Raja bukan hanya Raja kepada sesuatu bangsa atau golongan tertentu sahaja. Raja adalah payung kedaulatan negara untuk memberi naungan saksama kepada setiap warga tanpa mengira kaum, agama dan politik.
- Raja yang bersemayam di puncak struktur pemerintahan merupakan lambang kuasa dan simbol perpaduan. Sehingga ke hari ini, Malaysia masih mengamalkan sistem pemerintah Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.
- Semua rakyat tidak kira bangsa dan agama hidup aman dan menikmati kekayaan seluas-luasnya di atas bumi bertuah ini.

- Selain daripada melaksanakan kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong juga menjadi lambang perpaduan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik. Orang Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa menganggap Baginda sebagai pemelihara kepentingan dan harapan setiap etnik di Malaysia.
- Ini kerana di bawah Perlembagaan telah diperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan amanah Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah lain-lain kaum.
- Hal yang sama juga di mana Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dalam soal pindaan terhadap peruntukan berkaitan dengan kewarganegaraan. Amanah dan tanggungjawab ini merupakan satu perkara yang amat sukar kerana isu-isu seperti agama dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kewarganegaraan sering kali menjadi polemik dalam masyarakat yang berbilang etnik.

- Jika isu-isu tersebut tidak ditangani dengan baik, ia boleh menggugat kestabilan negara. Walaupun fungsi baginda sebagai lambang perpaduan dan kesinambungan ini kelihatan pasif dan tidak kontroversial, namun jaminan yang akan membantu menonjolkan sifat berkecuali Yang di-Pertuan Agong perlu ada bagi mengelakkan baginda daripada dipandang sebagai alat pemerintah.
- Institusi beraja juga dikaitkan dengan persoalan agama. Ini kerana, mereka adalah ketua agama di negeri masing-masing dan bertanggungjawab menjaga agama Islam serta sebarang pindaan yang ingin dibuat terhadap agama Islam perlu mendapat perkenan raja-raja terlebih dahulu. Rasional peranan Majlis Raja-raja dalam soal ini ialah perlembagaan hanya menekankan persoalan pentadbiran negara.
- Maka, dalam hal persoalan agama dibiarkan untuk dikendalikan oleh institusi beraja. Ini seperti yang dipersetujui sewaktu menggubal perlembagaan di mana Raja-Raja membenarkan perisytiharan Islam sebagai agama persekutuan setelah diberi jaminan bahawa ia tidak akan menjejaskan kedudukan mereka sebagai ketua agama di negeri masing-masing.

- Yang di-Pertuan Agong juga merupakan lambang keadilan dan kesaksamaan kerana Bagindalah yang melantik semua hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-raja.
- Begitu juga perlu dirundingi mengenai perlantikan juruaudit negara, pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Jawatan-jawatan ini penting dalam menjaga hak rakyat dengan sikap berkecuali iaitu tidak memihak kepada mana-mana pihak mahupun kerajaan sendiri.
- Baginda juga boleh dianggap sebagai Tunggak Kehormatan kerana Baginda diberi kuasa untuk mengurniakan penghormatan, pingat dan bintang kepada orang-orang berkenaan yang telah memberikan khidmat cemerlang kepada negara tanpa mengira batasan etnik.

- Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja adalah unsur tradisi yang amat mustahak di Malaysia. Kepada orang Melayu, mereka adalah harapan dan sebagai lambang perpaduan di kalangan rakyat berbilang etnik. Ini kerana mereka bukan dipilih secara politik dan terkecuali dari sebarang politik. Inilah antara sebab yang membolehkan institusi beraja mempunyai potensi untuk memainkan peranan tanpa mengenakan syarat seperti yang ditetapkan oleh parti politik. Sedangkan parti politik setiap keputusannya akan terikat dengan sentimen dan pertimbangan kepartian.
- Yang di-Pertuan Agong adalah satu-satunya institusi perlembagaan yang bersifat Melayu dan Islam dan amat penting kerana Perdana Menteri, Kabinet dan Parlimen tidak semestinya dikuasai oleh orang Melayu.
- Secara simboliknya, Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai pemegang autoriti dan kuasa yang diserahkan oleh negeri-negeri Melayu kepada pihak berkuasa pusat.

- Maka, Institusi Beraja di Malaysia pada masa kini perlu dikekalkan dan diperlihara. Terdapat dua sebab utama Institusi Raja ini perlu dikekalkan. Pertama, sebagai kesinambungan agama, budaya, adab resam dan cara hidup. Ini kerana, kerajaan dan dasar boleh bertukar setiap lima tahun, namun ada beberapa perkara perlu dikekalkan untuk kestabilan dan kesinambungan agama, identiti, budaya dan cara hidup masyarakat di negara ini. Sejak berkurun lamanya budaya dan cara hidup masyarakat di Malaysia adalah cara hidup budaya Melayu dan Islam. Budaya dan cara hidup ini perlu dikekalkan dan dilindungi kerana ianya adalah teras dan asas kepada pegangan moral, adab, kesopanan dan kesusilaan majoriti masyarakat Malaysia. Tanpa asas moral atau agama yang kuat, maka kesusilaan dan adab masyarakat Malaysia akan menjadi lemah. Pada masa inilah Institusi Raja-Raja adalah penting sebagai pelindung dan pengekal identiti dan cara hidup walaupun kerajaan bertukar ganti di Parlimen.

- Kedua, Institusi Raja-Raja Melayu sebagai satu institusi semakimbang terakhir kepada kuasa kerajaan dan Perdana Menteri. Walaupun sistem republik tanpa Institusi Beraja akan mewujudkan sistem demokrasi total dengan kuasa rakyat, namun sejarah pernah membuktikan di serata dunia yang sistem demokrasi adalah terdedah kepada salah guna kuasa dan korupsi serta pemerintahan diktator akibat daripada pemusatan kuasa yang mudah dibuat dengan memanipulasi pendapat awam. Sebagai contoh, demokrasilah yang memilih Hitler dalam pilihan raya negara Jerman sebagai pemimpin mereka pada awal abad ke-20. Demokrasi juga memilih Slobodan Milosevic sebagai presiden yang menghasut majoriti rakyat Yugoslavia berbangsa Serbia untuk membunuh etnik minoriti Bosnia dalam penghapusan etnik pada awal tahun 1990-an. Dan demokrasi juga yang tidak mampu untuk menghalang pembunuhan etnik beramai-ramai di Rwanda pada 1994 dan memburukkan lagi keadaan apabila majoriti etnik Hutu yang menguasai kerajaan melalui pilihanraya membunuh satu juta etnik minoriti Tutsi. Sistem demokrasi adalah baik dan sehingga kini tiada sistem politik lain yang lebih baik daripada sistem demokrasi. Namun sistem ini perlu disemakimbang kerana ia tidak sempurna dan pernah mengakibatkan tragedi seperti tragedi-tragedi dalam sejarah di seluruh dunia seperti di atas.
-
- Walaupun terdapat Parlimen dan mahkamah untuk semakimbang kerajaan, namun jika Parlimen dikuasai wakil rakyat kerajaan dengan kuat, maka ia tidak akan berjaya menyemakimbang kerajaan dan Perdana Menteri.

- Bagi menjamin kelangsungan tradisi Institusi Raja, sudah tentu perubahan perlu berlaku dalam Institusi Raja. Ini akan menjadikan kedudukan institusi tersebut selaras dengan selaras dengan tuntutan masa. Sikap tekun memajukan diri, berkongsi kekayaan dan membuat penegasan dalam beberapa perkara adakalanya sangat diperlukan. Walaupun kedudukan Institusi Raja dalam Perlembagaan dan sistem perundangan negara agak menyerlah, kita tidak boleh mengharap apa yang terpahat dalam undang-undang itu tidak terhakis. Ini kerana apa yang disebut mengenai Perlembagaan ialah, ia undang-undang organik yang boleh diubah serta bergantung dan berpunca kepada politik.
- Selain daripada itu, sistem monarki dan berperlembagaan tidak patut dijadikan alasan menyekat sumbangan Raja kepada negara. Melonjakkan kredibiliti sebagai Raja; mendekatkan diri dengan masalah rakyat serta meningkat taraf hidup rakyat adalah juga boleh ditakrifkan sebagai maksud tersirat dalam Raja Berperlembagaan.
- Raja Berperlembagaan bukan hanya merujuk kepada Raja yang bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri semata-mata hatta dalam hal yang begitu jelas bermotifkan politik. Raja Berperlembagaan harus bijaksana memastikan konsep 'constitutionlism' terutamanya penyalahgunaan kuasa dilaksana sepenuhnya.

Bagaimana Nak Selesaikan Konflik Perlembagaan

- Literasi Perlembagaan (Penulisan, kajian, modul latihan)
- Memasyarakatkan Perlembagaan
- Buku Soal Jawab Perlembagaan
- Hayati Konsep Kontrak Sosial
- Hayati Konsep Diskriminasi Perlembagaan
- Hayati Konsep Konvensyen Perlembagaan
- Hayati Falsafah Keseimbangan

Konsep Memasyarakatkan Perlembagaan

- untuk memberi kefahaman kepada masyarakat betapa pentingnya mengetahui perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja dari sudut perundangan, malah perlu ditekankan dari sudut perbahasan sejarah, agama, budaya, politik dan hubungan etnik.

Kenapa Perlu Memasyarakatkan Perlembagaan

- Memahami perlembagaan mengikut semangat perlembagaan digubal
- Pentafsiran perlembagaan perlu dilihat dari pelbagai sudut – ekonomi, politik, sosial, sejarah, kontrak sosial, konvensyen perlembagaan, diskriminasi perlindungan,
- Perlembagaan perlu diketahui oleh setiap lapisan masyarakat, bukan hanya kepada yang terdidik dari bidang perundangan – undang-undang tertinggi, bahasa dan kefahaman yang mudah
- Tahap pengetahuan yang tinggi, diikuti tahap kefahaman yang tinggi, maka tahap penerimaan apa yang termaktub dalam perlembagaan juga tinggi – elak konflik perlembagaan dalam masyarakat

Artikel dalam Surat Khabar Berita Harian

- 1. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/08/460606/bagaimana-hak-istimewa-melayu-boleh-tergugat>
- 2. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/09/728049/perundingan-muafakat-kaum-tunjang-politik-malaysia>
- 3. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/663377/institusi-raja-tiang-seri-kedaulatan-negara>
- 4. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/01/645771/usah-tafsir-perlembagaan-secara-harfiah>
- 5. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/12/511568/hubungan-kaum-harmoni-ikut-perspektif-islam>
- 6. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/12/508199/fahami-konsep-diskriminasi-perlindungan>
- 7. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/06/443331/kedudukan-islam-raja-melayu-kekal-terpelihara>
- 8. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/06/438842/isu-negara-islam-sekular-kembali-dibahaskan>
- 9. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/02/651837/buka-lembaran-sejarah-bongkar-budaya-toleransi>
- 10. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/03/546140/interaksi-kaum-berpaksi-kemaslahatan>
- 11. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/01/774092/rukun-negara-asas-perpaduan-pembinaan-negara-bangsa>
- 12. <https://www.facebook.com/photo?fbid=3615973575196620&set=a.200284743432204>
- 13. <https://web.facebook.com/photo?fbid=3639762086151102&set=a.3553793564747955>

Terima kasih